

SIARAN SEGERA



KENYATAAN MEDIA

JAJARAN SEKSYEN 7 LEBUHRAYA PESISIRAN PANTAI BARAT (WCE) DIJANGKA SIAP IKUT JADUAL BAGI MENGURANGKAN KESESAKAN TRAFIK DI TANJONG KARANG DAN SEKITARNYA

TANJONG KARANG – Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri Kerja Raya Malaysia hari ini turun padang ke Seksyen 7, Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat (West Coast Expressway-WCE) bagi meninjau kemajuan pembinaan Jajaran Tanjung Karang – Assam Jawa, Lebuhraya WCE. Pembinaan Seksyen 7 ini akan memudahkan perjalanan pengguna yang sebelum ini terpaksa menempuh kesesakan terutama sekali di hujung minggu dan musim perayaan apabila ianya dijangka siap pada Jun 2026.

2. Jajaran Seksyen 7, Lebuhraya WCE bermula dari Persimpangan Bertingkat Assam Jawa (Lebuhraya LATAR) sehingga Persimpangan Bertingkat Tanjung Karang, Jalan Persekutuan 5 (FT05) yang telah dinaiktaraf dengan jarak keseluruhan sepanjang 29.5km. Jajaran Seksyen 7 ini terbahagi kepada dua bahagian:

- i. Bahagian 1 (Seksyen 7A) bermula dari Persimpangan Assam Jawa sehingga ke Ladang Sg. Terap sepanjang 19.5km; dan
- ii. Bahagian 2 (Seksyen 7B) dari Ladang Sg. Terap ke Persimpangan Bertingkat Tanjung Karang dengan jarak sepanjang 10km.

3. Sehingga 25 April 2024, kemajuan kerja bagi Seksyen 7A telah mencapai sebanyak 91% manakala Seksyen 7B yang terlibat dengan penetapan jajaran adalah sebanyak 44%.

4. Lawatan kerja YB Menteri Kerja Raya ke tapak projek Seksyen 7 di Tanjung Karang menunjukkan komitmen berterusan Kerajaan Malaysia MADANI dalam membina infrastruktur yang selesa dan selamat demi kesejahteraan komuniti setempat dan dijangka dapat meredakan keresahan rakyat akibat kesesakan lalu lintas di kawasan Tanjung Karang dan Kuala Selangor.

SIARAN SEGERA

5. Lawatan kerja ini turut dihadiri oleh Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) Dato' Ir. Sazali bin Harun serta Ketua Pegawai Eksekutif WCE, Encik Lyndon Alfred Felix.

#TAMAT#

LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

16 MAC 2024